

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA**

**TARIKH : 16.11.2017**

**SOALAN : NO. 33**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan cadangan penambahbaikan sistem bayaran kembali PTPTN khasnya terhadap golongan peminjam yang belum mendapat pekerjaan selepas graduasi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa peka dengan masalah peminjam yang tidak dapat menunaikan kewajipan membayar balik pinjaman atas faktor ekonomi semasa serta kesukaran mendapatkan pekerjaan selepas bergraduat.

Justeru itu, PTPTN telah melancarkan program 'Boleh Bincang' pada 23 Mac 2017 khusus untuk peminjam PTPTN yang menghadapi kekangan membayar balik pinjaman. Mereka boleh menghubungi talian *Careline* PTPTN atau hadir ke mana-mana 67 cawangan PTPTN di seluruh negara. Antara kaedah penyelesaian yang disediakan adalah:

- (i) membenarkan penangguhan sehingga 24 bulan terhadap peminjam yang masih belum mendapat pekerjaan;

- (ii) membenarkan peminjam membuat penstrukturan semula pinjaman mereka berdasarkan kemampuan sehingga umur 60 tahun; dan
- (iii) peminjam digalakkan menyertai Program Pengurusan Kredit (PPK) oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sekiranya mempunyai masalah pengurusan kewangan dan keberhutangan yang serius.

Pelbagai saluran bayaran balik juga telah disediakan oleh PTPTN bagi memudahkan urusan peminjam, antaranya melalui perbankan internet, pengeluaran KWSP, potongan gaji, secara *direct debit* dan juga di kaunter bank, pejabat pos dan cawangan PTPTN seluruh negara.